



PEJABAT PENGARAH
KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU
Integrated Agriculture Development Area (IADA)
SEBERANG PERAK
Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan
KM 1, Jln. Tanjung Tualang
36800 KG. GAJAH
PERAK DARUL RIDZUAN

Tel : 05-6311733 (Pej. Pengarah)
Faks : 05-6312362
Email : iadaseberangperak@kpk.gov.my



Ruj Kami : IADA.SP.600-0/1/1 (65)
Tarikh : 26 Februari 2026



TENAGA NASIONAL BERHAD

Jalan Changkat Jong,
36000 Teluk Intan, Perak

(u.p.: Encik Nurudin Andhar b. Che Husin - Engineer Asset Planning LV)



Tuan,

BEKALAN ELEKTRIK KE PT 2298 RANCANGAN TANAH BENDANG KAMPUNG SUNGAI JEJAWI, 36000 TELUK INTAN, PERAK – PERMOHONAN IZINLALU

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada surat tuan TNB/DN/HOZAN2/APPSUPLV/16/11001000130 bertarikh 19 Januari 2026 berkaitan perkara di atas.

- Merujuk kepada hasil semakan dan siasatan bagi permohonan izinlalu yang diterima oleh Bahagian Pentadbiran IADA Seberang Perak pada 11 Februari 2026, pihak kami telah meneliti pelan lakaran bagi pemasangan tiang 9M dan laluan kabel yang melalui kawasan tersebut.
- Sehubungan dengan itu, pihak kami **tiada halangan dan memberi kebenaran** bagi kerja-kerja **penanaman tiang** di dalam laluan tersebut seperti yang ditandakan di dalam pelan. Walau bagaimanapun, jika terdapat keperluan untuk menaik taraf projek kerajaan di masa akan datang pada laluan tersebut, segala kos pengalihan tiang-tiang ini adalah di bawah tanggungjawab dan pembiayaan sepenuhnya oleh pihak TNB. Selain itu, bagi laluan kabel melintasi jalan berturap Sg Buaya – Seberang Perak adalah di bawah bidang kuasa JKR Perak Tengah.
- Segala kerjasama dan perhatian pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(YOGENDREN AIL GANAPATHY P.J.K)
Jurutera Projek, Ketua Bahagian Kejuruteraan Pertanian,
b.p Pengarah,
Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA),
Seberang Perak,
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Rujukan Kami : TNB/DN/HOZAN2/APPSUPLV/16/11001000130

Rujukan Tuan :

Tarikh : 19 Januari 2026

Pengarah
Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA)
Seberang Perak
KM 1, Jalan Tanjung Tualang
36800 Kampung Gajah
Perak

Tuan,

**BEKALAN ELEKTRIK KE PT 2298 RANCANGAN TANAH BENDANG KAMPUNG
SUNGAI JEJAWI 36000 TELUK INTAN PERAK.**

-Permohonan Izinlalu-

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pihak kami sedang merancang untuk memberi bekalan elektrik ke premis untuk Tetuan MOHD REDZUAN BIN ABDUL RAHMAN. Untuk makluman pihak tuan, laluan kabel akan melalui ***jalan seperti yang ditandakan di dalam pelan***. Mohon semakan pihak tuan keberadaan di kawasan ini dan juga kelulusan izinlalu untuk penanaman tiang di dalam laluan ini.
3. Bersama-sama ini dilampirkan pelan lakaran yang menunjukkan lokasi di mana kerja-kerja akan dilaksanakan bagi memudahkan semakan tuan.
4. Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, sila hubungi pegawai kami iaitu **Encik Mohd Hazaroul bin Idris <hazaroul.idris@tnb.com.my> dan beliau boleh dihubungi di talian 011-52918996**
5. Kerjasama dan tindakan awal pihak tuan untuk memberi maklumbalas dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BETTER. BRIGHTER."



(Nurudin Andhar b. Che Husin)
Engineer (Asset Planning LV)
Sub Zone A2,
Bahagian Pembahagian, TNB

PELAN TAPAK




Image © 2026 Airbus

G



TIANG 9M SEDIA ADA



1X16



CAD. TANAM TIANG 9M

KELUARAN	NEGERI : PERAK	KAWASAN : TELUK INTAN
DILUKIS OLEH : HAZAROUL	NO FAIL : 11001000130	
DISEMAK OLEH : ZAIBATUL	PT 2298, RANC TANAH BENDANG, KAMPUNG SUNGAI JEJAWI, TELUK INTAN	
DILULUSKAN OLEH : EN. NURUDDIN	KOORDINAT : 4.06039800,100.950820	
TARIKH :		



**PEGAWAI KHAS
KEPADA YAB MENTERI BESAR PERAK
(DUN KAMPONG GAJAH)**

Pegawai Khas Kepada Menteri Besar
N50 DUN Kampong Gajah,
Tingkat 1 Bangunan UMNO Pasir Salak,
36800 Kampong Gajah, Perak Darul Ridzuan.

Pejabat : 05-631 2786

E-mel : pkmbkampongajahn50@gmail.com

Ruj. Kami : PKMBN50/03/2026

Tarikh : 31 Mac 2026

YBhg Tuan Ir Sudin Bin Hashim
Jurutera Daerah Hilir Perak
JKR Hilir Perak
Jalan Mustafa Al-Bakri
36000 Teluk Intan

YBhg Tuan,

**SOKONGAN BAGI PERMOHONAN BEKALAN ELKTRIK KE PT2298 RANCANGAN TANAH
BENDANG KAMPUNG SUNGAI JEJAWI TELUK INTAN (EPY DUNGUN ENTERPRISE)**

Dengan segala hormatnya, saya menarik perhatian YBhg Tuan kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan, pentadbiran ini telah menerima permohonan daripada pihak Epy
Dungun Enterprise bagi mendapatkan permit dan izin lalu dari JKR Hilir Perak seperti tujuan
yang dinyatakan dalam surat permohonan mereka di lampiran.

Justeru saya memanjangkan permohonan ini untuk pertimbangan dan jasa baik YBhg Tuan
bagi membolehkan permohonan bekalan elektrik ke PT2298 Rancangan Tanah Bendang
Kampung Sungai Jejawi ini dapat dilaksanakan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"
"PERAK SEJAHTERA 2030"**

Saya yang menjalankan amanah,

KHAIRUL AZWAN HARUN
Pegawai Khas
Kepada Menteri Besar Perak N50

Sk : Nurudin Andhar bin Che Husin
Jurutera (Asset Planning LV)
Asset Zone N2
Bahagian Pembahagian TNB